

BAB LIMA

Bab V

Kesimpulan, Rumusan dan Cadangan

Pendahuluan

Kita telah menjelajah beberapa topik perbincangan yang berhubung rapat dengan isu kesaksian wanita, teori dan hukum kesaksian wanita serta amalannya di Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil. Perbincangan adalah berlandaskan fiqh Islam secara amnya dan menurut undang-undang keterangan Islam secara khususnya. Bab terakhir ini akan mengemukakan rumusan dan kesimpulan kepada perbahasan dari Bab I hingga Bab IV. Seterusnya dikemukakan saranan dan cadangan berhubung topik yang dibahaskan bersesuaian dengan realiti semasa.

1. Kesimpulan

1.1. Prinsip-prinsip Umum Kehakiman Islam Sebagai Pemangkin Kepada Konsep Kesaksian Wanita Menurut Undang-undang Keterangan Islam.

- a) Kefahaman terhadap prinsip-prinsip umum kehakiman Islam, metodologi pembuktian menurut undang-undang keterangan Islam dan metodologi fiqh amat penting dalam melaksanakan prosiding kehakiman.

- b) Prinsip-prinsip yang dikemukakan menjadi asas atau panduan bagi menangani permasalahan yang timbul yang berhajatkan kepada alternatif-alternatif terbaik tatkala berhadapan dengan sesuatu kebuntuan.

- c) Kepelbagaiannya metodologi pembuktian dan metodologi fiqh dalam undang-undang keterangan Islam membuktikan kepada kita bahawa Islam bersikap terbuka, toleran dan anjal menurut perubahan keadaan, masa dan tempat. Islam senantiasa memberikan jalan keluar yang mudah bagi ummatnya tatkala bertembung dengan permasalahan yang rumit. Ia membuka jalan ijtihad dan mempermudahkan perkara yang susah bagi melapangkan serta memberikan keselesaan kepada ummatnya dalam melaksanakan perintah Allah S.W.T.

- d) Justeru kefahaman-kefahaman asas ini amat penting dalam menangani isu kesaksian wanita yang menjadi pertikaian dan perbezaan pendapat ulama dari dulu hingga sekarang. Ia lebih penting lagi bagi mereka yang terlibat secara langsung dengan kehakiman khususnya mereka yang beragama Islam walaupun mereka berkhidmat di bawah sistem undang-undang sivil.

1.2. Metodologi Pembuktian Selain Kesaksian Sebagai Alternatif.

- a) Kesaksian bukanlah satu-satunya jalan penetapan sesuatu kes menurut undang-undang keterangan Islam. Bahkan ianya hanya sebahagian wasilah bagi membuktikan sesuatu fakta. Masih terdapat alternatif lain seperti ikrar dan qarinah yang diterima untuk menyabitkan kes. Justeru tidak timbul masalah bahawa dengan cara Islam, sesuatu kes sukar dibuktikan dan penjenayah akan terlepas begitu sahaja. Maksudnya sukar menegakkan keadilan jika prinsip-prinsip Islam masih diguna pakai di zaman masyarakat yang sudah rosak keimanan dan akhlaknya ini.

- b) Adapun dalam kes-kes berat seperti kes hudud dan qisas, ia tidak dapat disamakan dengan kes-kes lain yang mana unsur-unsur berikut menjadi punca jalan pembuktianya dipersempitkan oleh Islam:
- Ia melibatkan doktrin hukuman yang berat seperti dipancung, rejam sampai mati, dipotong tangan dan lain-lain.
 - Ia adalah bagi mengelakkan dakwaan palsu dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dengan wewenangnya.
 - Ia melibatkan harga diri dan maruah seseorang yang bukan sedikit.

1.3. Kedudukan Wanita Dalam Islam Dan Fitrah Kejadian.

- Perbandingan sejarah status wanita dari zaman sebelum Islam hingga selepasnya membuktikan bahawa Islamlah satu-satunya *al-Dīn* yang mengiktiraf kejadian wanita sama seperti lelaki serta mengangkat darjah wanita ke tahap tertinggi yang tidak pernah diberikan oleh mana-mana tamadun atau agama selain tamadun dan agama Islam.
- Perbezaan antara kaum lelaki dan wanita hanya dinilai dari sudut keimanan dan ketaqwaan yang sekali-kali tidak menjelaskan atau mengurangi hak-hak antara *gender*.
- Perbezaan yang wujud antara mereka dari sudut fitrah kejadian dan tanggungjawab adalah perbezaan positif dan signifikan yang menjadi pemangkin kepada penerusan generasi ummat manusia yang cemerlang di dunia ini.

Wanita tetap mempunyai kedudukan yang tinggi selagi mana mereka beriman dan bertaqwa kepada Allah. S.W.T.

- d) Ukuran yang menjadi neraca pertimbangan para musuh-musuh Islam sebenarnya adalah ukuran yang berat sebelah serta tidak menilai sesuatu secara keseluruhan. Mereka hanya menilai satu juzuk kemudian melupakan juzuk yang lain. Ukuran mereka juga hanya berlandaskan akal fikiran manusia yang terhad serta tidak mampu melangkau sesuatu hikmah yang tersembunyi.
- e) Kajian saintifik terhadap fitrah kejadian wanita serta dibandingkan pula dengan kejadian lelaki membuktikan lagi bahawa adalah mustahil kaum wanita dibebankan dengan tanggungjawab yang sama seperti lelaki secara mutlak. Perbezaan yang wujud antara dua jantina begitu ketara semenjak dari alam embrio hingga dewasa dari aspek fisiologi, psikologi dan anatomi.
- f) Pembahagian tanggungjawab secara adil dan sempurna antara lelaki dan wanita telah diketengahkan oleh Islam berdasarkan keupayaan masing-masing, yang tidak pernah wujud di dalam mana-mana ajaran atau ideologi selain Islam. Selaras dengan ungkapan Islam adalah agama fitrah. Kembali kepada fitrah bererti kembali kepada kesucian diri yang akan menjamin ketenangan, kemakmuran dan kebahagiaan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

1.4. Konsep Kesaksian Wanita Dalam Undang-undang Keterangan.

- a) Kesaksian merupakan salah satu wasilah pembuktian terpenting dalam Islam. Keistimewaan serta kepentingannya tidak dapat disamakan dengan mana-mana metodologi pembuktian selainnya.
- b) Kesaksian dalam Islam bersifat definitif. Ia tidak boleh diambil sambil lewa serta mencekup siapa sahaja yang dikatakan terlibat dengan sesuatu kes. Justeru syariat Islam amat menitik berat serta memperincikan jati diri kesaksian, siapa yang layak diterima sebagai saksi, bagaimana cara mengesahkan penerimaan kesaksian dan cara menyampaikan kesaksian.
- c) *Syahādah* juga dibezakan dengan *Bayyināt* serta tidak boleh dicampur adukkan dari segi teori dan perlaksanaannya. Pengertian *Bayyināt* lebih umum daripada *Syahādah*. Ia merangkumi segala metodologi yang boleh membuktikan fakta. Manakala *Syahādah* mempunyai maksud yang lebih khusus serta merupakan salah satu daripada elemen *Bayyināt*.
- d) Perbezaan dalam mendefinisikan tabiat kesaksian sama ada ia bersifat *al-Wilāyah* atau *al-Ikhbār* menjadi salah satu faktor penentuan hukum kesaksian wanita di kalangan *fuqahā'*. Hakikatnya kesaksian tergolong dalam bidang *al-Ikhbār* dan bukannya *al-Wilāyah*. Pandangan yang menyatakan bahawa kesaksian adalah kekuasaan hanyalah pandangan berdimensi fiqh yang mana kekuasaan bukanlah intipati atau sifat kesaksian itu sendiri. Bahkan definisi tersebut dizahirkan sebagai penegasan terhadap kepentingan kesaksian dalam membuktikan sesuatu hak.

- e) Konsep *Syahādah* juga tidak sama dengan konsep *Riwāyah*. Ini adalah kerana unsur-unsur yang membentuk *Riwāyah* tidak dapat disamakan dengan unsur-unsur yang membentuk *Syahādah* sekalipun terdapat sebahagian syarat-syarat yang mempunyai persamaan seperti syarat '*adālah* dan *dābit*'.
- f) Secara amnya, konsep kesaksian wanita adalah sama seperti lelaki yang mana mereka perlu memenuhi segala syarat berkait dengan kesaksian sama ada syarat-syarat menjadi saksi atau syarat menerima kesaksian. Wanita tidak sekali-kali dibezakan dalam menerima amanah dan tanggungjawab kesaksian. Perbezaan yang wujud hanyalah pada syarat penyampaian kesaksian kerana kesaksian mereka tidak diterima pada sebahagian kes serta diterima pada sebahagian kes yang lain.
- g) Sebahagian syarat-syarat saksi disepakati para *fuqahā'* iaitu: Islam, baligh, berakal, '*adālah* dan *dābit*'. Sebahagian syarat pula terdapat perselisihan pendapat seperti syarat jantina saksi, bilangan saksi dan merdeka.

1.5. Hukum Kesaksian Wanita Menurut Kes-kes.

- a) Syariat Islam amat mementingkan penjagaan hak-hak. Secara umumnya, hak-hak terbahagi kepada hak-hak Allah dan hak-hak Bani Adam.
- b) Hak-hak tersebut telah dipecahkan kepada empat bahagian utama;

- i) Hak-hak yang melibatkan lima kepentingan utama (*al-Darūriyyāt al-Khamsah*) iaitu *al-Dīn*, jiwa, keturunan, akal dan harta.
 - ii) Hak-hak *ahwāl syakhsiyah* dan seumpamanya.
 - iii) Hak-hak mal.
 - iv) Hak-hak yang berkaitan hal ehwal kewanitaan.
- c) Antara tanda-tanda Islam amat mementingkan hak-hak tersebut ialah dengan adanya peraturan khusus bagi menyabit, seterusnya menjamin semua hak-hak yang disebutkan agar tidak luput daripada individu dan ummah. Menjaga *al-Dīn*, jiwa, keturunan, akal dan harta dianggap maslahah umum dan penting bagi membangun dan mengekalkan ummat Islam. Tanpa lima kepentingan itu tadi, sesebuah masyarakat tidak akan terbentuk dengan sempurna.
- d) Antara wasilah yang dapat menyabitkan semua hak-hak di atas ialah kesaksian.
- e) Pengklasifikasian doktrin balasan kes-kes jenayah adalah berdasarkan implikasi terhadap *al-Darūriyyāt al-Khamsah* iaitu hukuman hudud, qisas dan takzir.
- f) Menjaga hak-hak individu menjadi salah satu agenda syariat Islam bagi menjamin kecemerlangan ummah yang terangkum di dalam hak *ahwāl syakhsiyah*.

- g) Syariat Islam telah mengambil berat semua hak-hak insan untuk dipelihara dan dijamin keselamatannya termasuklah hal-hal khusus yang berkaitan ‘uyūb al-nisā’ iaitu kes yang biasanya dilihat oleh kaum wanita.

1.5.1. Kes-kes Hudud Dan Qisas

- a) Kesaksian wanita tidak diterima oleh majoriti *fuqahā'* dalam kes hudud dan qisas. Hanya sebahagian kecil ulama yang menerima kesaksian wanita secara bersendirian atau bersama kesaksian lelaki iaitu Ibn Ḥazm, ‘Atā’ bin Abī Rabāḥ, Hammād Ibn Abū Sulaymān dan Sufyān al-Thawrī dalam kes qisas.
- b) Terdapat khilaf *fuqahā'* terhadap penerimaan kesaksian wanita dalam kes takzir.
- c) Syariat telah menyempitkan wasilah pembuktian kes-kes jenayah yang melibatkan hukuman berat sama ada hukuman tersebut telah ditentukan atau tidak ditentukan.

1.5.2. Kes-kes *Ahwāl Syakhsiyah* Dan Seumpamanya

- a) Syariat telah menjadikan kesaksian lelaki sebagai langkah terbaik bagi menyabitkan hak-hak *ahwāl syakhsiyah* dan seumpamanya memandangkan ianya biasa dilihat oleh kaum lelaki.

- b) Kesaksian wanita bersama lelaki dan kesaksian wanita secara bersendirian di dalam kes *aḥwāl syakhsiyah* dan seumpamanya merupakan masalah *ijtiḥādiyyah*. Berlaku perselisihan pendapat yang agak ketara di kalangan para *fuqahā'*.
- c) Golongan yang menerima kesaksian wanita telah meletakkan syarat minimum iaitu sekurang-kurangnya kesaksian dua orang wanita bersama sumpah empunya hak dalam keadaan mereka bersendirian. Golongan yang berpendapat seperti ini telah mengiaskan kepada kesaksian dalam hak-hak mal, yang mana mereka menganggap kes tersebut lazimnya dilihat oleh kaum lelaki. Oleh sebab itu kesaksian wanita menyamai separuh kesaksian lelaki.

1.5.3. Kes-kes Mal

- a) Manakala dalam kes mal; syariat memberi pilihan *sama ada* kesaksian *dua orang lelaki* atau kesaksian *dua orang wanita bersama seorang lelaki* atau *kesaksian bersama sumpah pendakwa*. Pilihan-pilihan ini adalah berdasarkan pendapat yang masyhur. Sebahagian *fugahā'* turut menerima kesaksian wanita secara bersendirian dalam kes mal.
- b) Kesaksian wanita dalam kes mal dianggap menyamai separuh kesaksian lelaki. Kenyataan ini tidak bermaksud menghina kaum wanita. Bahkan ia bertujuan mencapai maksud ‘*al-Tadḥkir*’ tatkala dua orang wanita dikumpulkan.

Sifat *al-dalāl* dianggap menjadi tabiat wanita lebih banyak daripada kaum lelaki khususnya dalam kes-kes yang biasanya dilihat oleh kaum lelaki. Ia berasaskan kepada kurangnya perhatian kaum wanita terhadap kes-kes tersebut sehingga ia tidak mahir dengannya dan kurang cekap untuk mengingatinya. Berbeza dengan kaum lelaki yang sentiasa berurusan dengan *ahwāl syakhsiyah* dan mal sehingga rutin tersebut menjadikan mereka lebih mahir dan cekap berbanding kaum wanita.

1.5.4. Kes-kes ‘*Uyūb al-Nisā*’

- a) Kaedah kesaksian tetap menjadi wasilah pembuktian penting bagi menyabitkan kes ‘*uyūb al-nisā*’ yang mana kesaksian wanita secara bersendirian diharuskan oleh syariat memandangkan ianya lazim dilihat oleh kaum wanita sahaja.
- b) Justeru tidak berbangkit sama ada lelaki atau wanita sebagai saksi bagi menyabitkan kes-kes ‘*uyūb al-nisā*’. Kesaksian wanita secara bersendirian atau bersama lelaki atau kesaksian lelaki sahaja diterima bagi menyabitkan kes sebegini. Namun *yang lebih baik tentunya kesaksian wanita secara bersendirian* memandangkan ia melibatkan aurat wanita yang mana haram kaum lelaki melihatnya serta menjadi kelaziman ia hanya dilihat atau diuruskan oleh kaum wanita, kecuali dalam keadaan darurat dan berdasarkan keperluan.

- c) Percanggahan pendapat dari sudut bilangan saksi wanita diterima secara bersendirian tidak lagi menjadi persoalan penting memandangkan kadar minimum iaitu *seorang* wanita telah diterima oleh majoriti *fujahā*' berlandaskan dalil-dalil yang konkrit. Penambahan bilangan saksi wanita boleh dilakukan berdasarkan keperluan.
- d) Penerimaan kesaksian wanita seorang diri di dalam kes '*uyūb al-nisā*' sekaligus menjawab kritikan yang menyatakan bahawa Islam menindas serta membataskan kemampuan wanita dalam isu kesaksian. Sekiranya benar dakwaan tersebut, sudah tentu Islam tetap tidak menerima kesaksian wanita secara bersendirian di dalam hak-hak '*uyūb al-nisā*'.

1.5.5. Jenis-jenis Kesaksian

- a) Kesaksian bersandarkan dokumentasi harus diterima khususnya dalam kes muamalat. Ia selaras dengan keperluan semasa masyarakat hari ini.
- b) Jenis-jenis kesaksian seperti kesaksian bersandarkan dokumentasi, kesaksian atas kesaksian dan penyiasat saksi dari kalangan wanita merupakan masalah *ijtihādiyyah* yang mana ia memerlukan perbincangan di kalangan ulama muktabar bagi menyelaraskan pandangan menyentuh tahap keharusannya, kes-kes yang boleh diputuskan dengannya dan lain-lain elemen berkaitan.

1.6. Benarkah Islam Meminggirkan Kaum Wanita Melalui Kedudukan Mereka Dalam Kesaksian?

Perbezaan pendapat sama ada yang menyatakan kesaksian wanita separuh kesaksian lelaki atau tidak diterima langsung kesaksian wanita dalam kes-kes tertentu tidak sekali-kali bertujuan merendahkan-rendahkan martabat kaum wanita atau menafikan keupayaan mereka. Seperkara yang harus difahami ialah intipati kaedah kesaksian yang dibincangkan bukanlah pada lelaki atau perempuan tetapi pada keadilan dan ketepatan membuat laporan.¹ Jadi tidak timbul sama sekali isu diskriminasi *gender* dalam permasalahan ini. Bahkan syariat telah memuliakan wanita dengan pelbagai taklifan dan menganggap mereka mempunyai kelayakan penuh untuk menunaikan tanggungjawab dalam pelbagai bidang kehidupan sama seperti kaum lelaki. Ketiadaan persamaan antara lelaki dan wanita dalam hukum kesaksian mempunyai justifikasinya tersendiri selari dengan kehendak wahyu dan akal yang waras.

Jika kita melihat dari sudut positif, hakikatnya tanggungjawab kesaksian mereka diberi keringanan dalam kes-kes yang berat serta memerlukan tumpuan dari aspek fizikal, mental dan spiritual bersesuaian dengan fitrah kejadian wanita. Di samping itu juga, ia adalah untuk menjamin maruah, keselamatan serta keamanan diri mereka dari anasir-anasir hina dan jahat. Berbeza dengan kes muamat atau mal dan kes ‘*uyūb al-nisā*’, yang mana kes sebegini dianggap lebih ringan risikonya, sering berlaku dalam masyarakat serta tidak memerlukan pemusatan akal fikiran, fizikal dan mental untuk menanganinya.

¹ Abdul Hayei b. Abdul Sukor (Dr.) (2002), ‘ Keliru tentang hukum wanita sebagai saksi’, (Ruangan ‘1001 Kemusykilan’), Mingguan Malaysia.

Oleh itu sekali lagi penulis ingin tegaskan bahawa tiada ruang atau medan untuk menikam jati diri wanita atau bersikap prejjudis terhadap kehormatan dan kemuliaan mereka selagimana mereka berpegang teguh kepada al-Quran dan sunnah.

Perselisihan pendapat yang timbul dalam isu kesaksian wanita atau dalam apa juu pun tidak mencacatkan syariat Islam yang sedia ada. Ikhtilaf ummat Muhammad S.A.W adalah sebagai rahmat dari Allah S.W.T. dalam menangani pelbagai permasalahan yang berbangkit. Kita sedia maklum bahawa perbezaan iklim, sosial dan budaya antara satu tempat dan tempat yang lain adalah tidak sama yang mana permasalahan yang dihadapi juga bukan semuanya sama. Justeru perbezaan pendapat sedikit-sebanyak boleh membantu menyelesaikan masalah menurut dimensi kehidupan masing-masing tanpa melampaui dan mencabar dasar-dasar aqidah Islam yang unggul.

Ringkasnya, apa yang dapat dirumuskan ialah tahap penerimaan yang berbeza terhadap kesaksian wanita menurut kes-kes dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut;

- a) Dalil nas naqli daripada al-Quran dan al-Sunnah yang memberi petunjuk ke arah wujudnya perbezaan penerimaan kesaksian wanita menurut kes-kes.
- b) Dalil akli yang terdiri daripada unsur-unsur berikut:
 - i) Faktor fitrah kejadian wanita dari sudut fisiologi, psikologi dan anatomi yang membuktikan secara saintifik bahawa adalah mustahil wanita dibebankan dengan tanggungjawab yang sama seperti lelaki dalam segala hal dan keadaan.

- ii) Faktor sosial yang memperlihatkan persekitaran kehidupan wanita yang agak berbeza dari lelaki sekalipun fenomena semasa menunjukkan bahawa wanita hari ini setanding dengan lelaki dalam segala bidang kehidupan dari hal-hal berkait dengan politik, pentadbiran, ekonomi dan pendidikan.
- iii) Faktor kekerapan jenis-jenis kes berlaku dalam masyarakat.

1.7. Perlaksanaan Kesaksian Wanita Dalam Statut Keterangan Dan Mahkamah.

- a) Kesaksian dianggap salah satu wasilah terpenting bagi membuktikan fakta di dalam EKMS 2002 dan Akta Keterangan 1950.
- b) Secara umumnya, EKMS 2002 memperuntukkan prinsip-prinsip kesaksian menurut syariat Islam merangkumi syarat-syarat saksi, syarat penerimaan, syarat-syarat penyampaian dan lain-lain lagi.
- c) EKMS 2002 turut menyenaraikan *konsep kesaksian* dan *konsep keterangan*. Perbezaan kedua-dua konsep tersebut begitu signifikan dan memberi kesan yang besar terhadap hak-hak wanita di mahkamah. Tajdid Ibn Qayyim dalam mendefinisikan pengertian bayyinah secara lebih meluas telah berjaya menambah ruang kepada kaum wanita untuk bersuara di mahkamah.
- d) Peruntukan kesaksian wanita dalam EKMS 2002 selaras dengan prinsip-prinsip yang dikemukakan hukum syarak.

Penerimaan kesaksian wanita adalah bergantung pada kes-kes. Tanggungjawab mereka sebagai saksi tetap sama dengan lelaki apabila mereka terlibat dengan sesuatu kes serta perlu menghadirkan diri ke mahkamah apabila dipanggil.

- e) Mahkamah Syariah telah melaksanakan peruntukan kesaksian wanita sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Justeru wanita tidak dipanggil sebagai saksi dalam kes-kes yang disepakati majoriti *fuqahā'* supaya ditolak kesaksian mereka. Manakala di dalam kes-kes yang diterima kesaksian mereka, ketiadaan wanita yang terlibat secara langsung dalam kes-kes tersebut menyebabkan wanita turut tidak dipanggil sebagai saksi.
- f) Berasaskan ***konsep keterangan***: wanita masih boleh hadir untuk memberikan keterangan berhubung sesuatu kes bagi semua kategori kes yang mana ianya tidak mengikat hakim bagi membuat keputusan. Wanita juga, apabila tidak memenuhi syarat saksi secara automatik kesaksianya akan berubah menjadi keterangan lisan.
- g) Semua orang adalah layak memberikan kesaksian selagi mereka dapat memberikan jawapan rasional dan boleh memahami soalan yang dikemukakan. Faktor jantina, terlalu tua atau terlalu muda tidak menjadi halangan kesaksian asalkan saksi memenuhi dua syarat yang disebutkan.
- h) Akta Keterangan 1950 telah menyamakan kesaksian lelaki dan wanita secara mutlak. Semua kes menerima kesaksian wanita sebagaimana lelaki. Ia tidak menitik beratkan soal '*adālah* dan *dābit* saksi.

- i) Kesaksian wanita di Mahkamah Sivil diamalkan secara meluas dan merangkumi semua kes seperti kes-kes jenayah dan kes-kes sivil.
- j) Kebanyakan kesaksian wanita diambil dalam kes ro gol kerana ia menganggap keterangan mangsa adalah keterangan saksi yang terpenting. Kesaksian wanita termasuk keterangan dari ibu mangsa, keterangan polis wanita yang menerima laporan dan lain-lain yang berkait dengan kes.
- k) Hakikatnya, konsep kesaksian wanita di Mahkamah Sivil hanya menyamai konsep keterangan wanita menurut Undang-undang Keterangan Islam.

2. Rumusan

- 2.1) Syariat Islam menjadikan landasan aqidah tauhid dalam mengatur kehidupan manusia. Ia bertujuan memberikan kebaikan kepada ummat manusia bukan sekadar di dunia, bahkan kebaikan di akhirat. Justeru dalam menjalani prosiding kehakiman, asas keimanan dan ketaqwaan tetap menjadi pemangkin kepada perlaksanaannya dalam semua sudut.
- 2.2) Objektif utama hukuman yang ditentukan oleh syariat Islam adalah sebagai langkah pencegahan dan bertujuan mendidik pesalah. Oleh sebab itu syarat-syarat kesaksian diperincikan dan wasilah pembuktian diperketatkan agar hanya yang benar-benar bersalah menerima hukuman.

- 2.3) Perbahasan dan *tarjih* yang telah dikemukakan di dalam tajuk Kes-kes Kesaksian Wanita sebelum ini adalah konsisten dan relevan sepanjang masa.
- 2.4) Keterangan dari wanita adil harus diambil kira dalam apa jua kes namun ia tidak dapat menyabitkan hukuman yang bersifat rigid seperti hudud dan qisas kerana ia tertolak apabila adanya syubhat. Terserlah kepada hakim untuk menilainya dan memutuskan hukuman yang selayaknya selain hudud dan qisas. Lebih-lebih lagi terdapat maslahah untuk menutup keaiban hamba serta tidak diperbesarkan kes-kes tersebut. Justeru itu wasilah pembuktian harus diperketat atau dipersempitkan bagi mendokong *maqāṣid al-syari‘at* yang terkandung disebalik ‘*uqūbāt* hudud dan qisas. Tersalah melepaskan orang yang bersalah adalah jauh lebih baik daripada tersalah menghukum orang yang tidak bersalah.
- 2.5) Harus diterima keterangan wanita dalam kes-kes jenayah di tempat yang lazimnya tidak terdapat lelaki iaitu khusus untuk wanita seperti di tandas wanita, bilik pengantin wanita dan seumpamanya. Penolakan secara total keterangan wanita hanya semata-mata kerana mereka adalah wanita di dalam kes sebegini akan merugikan banyak pihak dan menghilangkan hak-hak. Hakikatnya, keterangan wanita diterima dalam masalah ini selagimana mereka adil, kuat ingatan dan rasional. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Syaykh Mahmud Syaltut, bekas Syeikh al-Azhar pada firman Allah S.W.T berkenaan kesaksian wanita di dalam ayat 282 al-Baqarah;

“ Ayat ini bukanlah berkenaan dengan penyaksian yang menjadi kayu ukur keputusan dan hukuman hakim, sebaliknya ayat ini adalah untuk memberi petunjuk ke arah cara-cara mendokumentasikan dan memberi jaminan hak orang yang berurusan ketika melakukannya.”²

Ia selaras dengan maksud ayat 78 al-Hajj yang berbunyi ‘ ... dan Dia tiada mengadakan kesempitan bagimu dalam agama... ’.

- 2.6) Hasil daripada perbahasan para *fuqahā'*, faktor-faktor utama ikhtilaf *fuqahā'* berkenaan kesaksian wanita berpunca daripada khilaf dalam memahami perkara berikut;
 - a. Penentuan sifat/tabiat kesaksian.
 - b. ‘*Illah* kesaksian wanita menurut ayat 282 al-Baqarah serta memahami teks al-Quran menyentuh soal kesaksian selain ayat tersebut.
 - c. Pengambilan dalil-dalil hadis dan athar berhubung kesaksian wanita.
 - d. Penentuan implikasi kes bagi melayakkan wanita diterima sebagai saksi.
 - e. Kesan pengaruh fitrah kejadian wanita terhadap kesaksian mereka.
- 2.7) Hakikatnya, hukum kesaksian wanita dalam semua kes masih tergolong dalam topik yang diperselisihkan oleh para *fuqahā'* memandangkan ianya tidak mempunyai nas *qaṭ'i* berhubung isu tersebut. Justeru, hukum kesaksian wanita seperti dalam kes-kes hudud, qisas dan *ahwāl syakhṣiyah* masih mempunyai ruang ijtihad berdasarkan keperluan semasa. Namun yang paling utama ialah berpegang kepada pendapat yang mempunyai hujjah yang paling kuat.

² Yusuf al-Qaraḍāwī (Prof. Dr) (2000), *op.cit.*, h. 486 – 487.

- 2.8) Amalan kesaksian lelaki dan wanita masih belum dapat diperlakukan sepenuhnya di Mahkamah Syariah di Malaysia kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes-kes jenayah dan perlaksanaan hukumannya dihadkan.
- 2.9) Realiti wanita pada hari ini tidak menyimpang jauh daripada realiti wanita di zaman turunnya wahyu. Apatah lagi ummat Islam hari ini diumpamakan ibarat buih di lautan yang mana kuantiti mereka semakin bertambah, akan tetapi individu yang berkualiti semakin berkurangan. Era globalisasi yang menyaksikan dunia semakin sempit menyediakan segala kemudahan bagi memperkasakan budaya negatif di kalangan ummat manusia termasuk ummat Islam. Rentetan daripada fenomena tersebut, agak sukar untuk mengkategorikan wanita muslimah hari ini sebagai saksi yang adil sekalipun ramai wanita hari ini dianggap lebih berpendidikan, lebih bersosial dan lebih terdedah kepada kehidupan bermasyarakat. Justeru kesaksian mereka tetap dianggap mengandungi syubhat khususnya dalam kes hudud dan qisas.
- 2.10) Hak-hak memberikan keterangan dari wanita terangkum dalam pengertian *al-Bayyināt* serta peruntukan keterangan dalam statut-statut keterangan. Justeru wanita hari ini tidak perlu bimbang untuk menyuarakan kebenaran di mahkamah dalam apa juar kes kerana ia tetap akan dipertimbangkan oleh mahkamah. Apa yang mustahak ialah mereka menjaga personaliti mereka agar selari dengan kehendak syarak serta dapat memberikan keterangan dengan rasional dan meyakinkan.

3. Perkembangan Terkini Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia

Usaha mengadakan Khidmat Sokongan Saksi dan Program Celik Undang-undang di peringkat sekolah, rukun tetangga dan kumpulan wanita telah dirintis oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan juga telah diperolehi dari Kementerian Pembangunan Wanita sebanyak RM34,000 untuk memulakan satu projek perintis bagi melaksanakan Khidmat Sokongan Saksi.³ **Khidmat Sokongan Saksi** ini mempunyai dua objektif utama iaitu;

- i) Memberi bimbingan dan sokongan kepada anak guaman dan saksi Biro Bantuan Guaman terutamanya kaum wanita yang berurusan dengan Mahkamah-Mahkamah Syariah.
- ii) Memberi pendedahan dan pengetahuan tentang hak-hak anak guam, prosedur mahkamah dan juga memberi bimbingan kepada mereka bagi membolehkan mereka memberi keterangan dengan lebih tegas, tepat dan positif.

Program Celik Undang-undang pula dirancang bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kefahaman undang-undang dan perlombagaan kepada kumpulan sasar terpilih. Para peserta akan dijemput menghadiri kursus-kursus mengenai undang-undang tertentu, misalnya Akta Kanak-Kanak 2001, pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah (peruntukan mengenai sumbang mahram, jenayah seks) dan undang-undang Keluarga Islam.

³ Sila lihat ruangan ‘Inisiatif Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri’, <http://www.bheuu.gov.my/inisiatif.shtml> 11 Mac 2003.

Program ini akan dilaksanakan melalui portal BHEUU - 'gerbang perundangan' yang sedang dibangunkan yang akan mengandungi maklumat-maklumat penting dan juga berbentuk interaktif melalui ruangan forum dan chat, media massa dan media bersemuka.

4. Saranan dan Cadangan.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang diperolehi daripada kajian ini, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan dan cadangan :

- a) Setiap Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) harus memberi respon yang positif dan menerima penggunaan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang telah digubal dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya masih terdapat kekurangan dan kekeliruan pada peruntukan di dalamnya, JKSN hendaklah terus bersemuka dengan Jawatankuasa tersebut serta memohon ia disusun semula bagi memastikan kesempurnaananya.

- b) Sementara itu, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002 perlu dikemaskinikan lagi dari sudut teknikal dan perinciannya atau ditambah huraian kepada sesuatu seksyen yang bersifat umum agar kekeliruan dapat dikurangkan. Ia tidak bermaksud menyempitkan skop fiqh Islam dengan seksyen yang bersifat rigid tetapi bertujuan mengkhususkan perkara yang perlu dikhkususkan. Selaras dengan tajuk kajian disertasi ini, penulis ingin menyarankan;

- i. Huraian maksud *keterangan*, *bayyinah* dan *syahadah* menurut peruntukan Seksyen 3 (1) perlu diperbaiki dan diselaraskan antara satu sama lain. Definisi yang diberikan perlu tepat dan tidak mengelirukan.
 - ii. Seksyen 2 atau Seksyen 130 mengenai pemakaian Enakmen ini perlu dikhkususkan atau diberi huraian bahawa Enakmen terpakai bagi semua kes selain kes hudud dan qisas; natijah daripada Seksyen 86 (1) EKMS1991 berhubung kesaksian zina yang telah dimansuhkan. Sementelah pula, hukuman hudud dan qisas masih dihalang perlaksanaannya. Dengan adanya peruntukan sedemikian, Seksyen 86 (5) secara automatik akan difahami bahawa ia adalah bagi kes selain kes hudud dan qisas.
 - iii. Bagi Seksyen 86 (2) seharusnya diumumkan agar keterangan wanita turut diterima dalam perkara melihat anak bulan.
 - iv. Seksyen 86 (3)(b) sepatutnya diselaraskan di bawah Seksyen 33 mengenai Pendapat Pakar yang mana keterangan pakar wanita diterima sama seperti keterangan pakar lelaki.
- c) Menyokong dan membantu usaha mengadakan Khidmat Sokongan Saksi dan Program Celik Undang-undang di peringkat sekolah, rukun tetangga dan kumpulan wanita oleh BHEUU, Jabatan Perdana Menteri. Usaha ini boleh membantu kaum wanita menunaikan kesaksian atau memberi keterangan yang berwibawa.

- d) Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan harus peka dengan perkembangan dan tuntutan semasa. Seterusnya mengemukakan fatwa yang jelas mengenai konsep kesaksian wanita menurut perspektif Islam dalam semua kes bersesuaian dengan situasi semasa. Penegasan mengenai prinsip-prinsip keterangan Islam perlu diulangi agar tidak timbul keraguan di kalangan masyarakat terhadap konsep kesaksian Islam. Lebih-lebih lagi dalam situasi masyarakat Malaysia sedang berhadapan dengan isu wanita sebagai hakim syarie. Sebagaimana yang dimaklumi, tanggungjawab sebagai hakim secara umumnya dianggap lebih berat daripada tanggungjawab kesaksian. Justeru, kemungkinan penerimaan wanita sebagai hakim syarie di Malaysia akan memberi implikasi yang besar terhadap penerimaan kesaksian wanita dalam semua kes.
- e) Pihak penyelidikan khususnya haruslah aktif dalam menyalurkan bahan-bahan ilmiah dan terkini kepada mahkamah-mahkamah dan mereka yang terlibat dengannya secara langsung bagi mengemaskini dan melancarkan lagi prosedur keterangan di mahkamah.
- f) Pihak institusi pengajian tinggi khususnya di bidang pengajian Islam, pusat-pusat penyelidikan seperti IKIM dan IIITM, pertubuhan ulama seperti PUM, para ulama di institusi-institusi pondok, para sarjana di bidang perundangan Islam dan cendikiawan Islam harus memikul tanggungjawab bersama dalam membuat penyelidikan, menggali sumber-sumber hukum yang berkualiti, seterusnya mengemukakan pandangan yang muktabar tepat pada masa yang diperlukan berhubung masalah

berbangkit seperti perlantikan hakim wanita syarie dan kesaksian wanita. Kelewatan para ulama mengemukakan fatwa terkini boleh mengakibatkan kekeliruan berpanjangan seterusnya memberi peluang kepada pihak yang memusuhi Islam menikam syariat Islam yang sempurna.

- g) Para cendikiawan Islam juga haruslah memberi sokongan terbuka bagi menambah keyakinan masyarakat terhadap perlaksanaan Undang-undang Keterangan Islam secara bersepadu antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.
- h) Manakala bagi menjamin keberkesanan dari sudut penyampaian maklumat dan menangani kekeliruan masyarakat, pihak media sama ada media bercetak atau elektronik harus memainkan peranan penting dalam menyebarkan fatwa-fatwa terkini dari para ulama, juris dan intelektual Islam.
- i) Saranan untuk para penyelidik seterusnya; adalah lebih praktikal sekiranya kajian khusus secara saintifik dilakukan ke atas daya ingatan wanita dan kestabilan diri mereka tatkala menyampaikan kesaksian dengan modul-modul yang disusun berdasarkan kes-kes. Bagi tujuan tersebut;
 - 1. Pengumpulan data-data yang lebih banyak dan terkini berkenaan daya ingatan wanita dan faktor fisiologi yang mempengaruhinya berdasarkan kajian para saintis perlu dilakukan terlebih dahulu.
 - 2. Jumlah responden perlu ditetapkan untuk mendapatkan satu keputusan yang mewakili wanita secara amnya.

3. *Syakhsiyah* responden perlu memenuhi syarat-syarat adil secara umum. Responden yang tidak memenuhi syarat-syarat adil boleh juga diambil sebagai perbandingan.
4. Responden itu pula terdiri daripada mereka yang telah biasa berhadapan dengan kes jenayah seperti anggota polis wanita di jabatan jenayah, wanita yang berkerjaya di bidang muamalat seperti akauntan dan lain-lain.

Kajian sebegini akan membantu mengungguli teori masalah kesaksian wanita yang diasaskan kepada fitrah fisiologi dan psikologi mereka. Ia juga diharapkan dapat menginterpretasikan maksud '*kurang akal*' sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi S.A.W dengan lebih berfakta. Penulis turut berpendapat bahawa cadangan penyelidikan di atas agak sukar untuk dilaksanakan serta akan memakan masa yang agak lama memandangkan ia memerlukan sokongan dari banyak pihak.

- j) Penyelidik juga boleh melakukan kajian dengan mendapatkan pandangan daripada responden yang terlibat secara langsung dengan proses perbicaraan sesuatu kes seperti para hakim dan peguam, sama ada lelaki atau wanita dan merangkumi Kehakiman Syariah dan Kehakiman Sivil. Pendapat mereka khususnya terhadap nilai kesaksian atau keterangan wanita menurut pengalaman mereka boleh memberikan panduan secara realistik terhadap teori topik tersebut.

PENUTUP

Kajian ini sedikit sebanyak telah memberikan gambaran yang jelas mengenai konsep kesaksian wanita menurut perspektif Undang-undang Keterangan Islam serta perkara-perkara yang menjadi asas kepada konsep tersebut. Gambaran hakikat perlaksanaan kesaksian wanita di mahkamah-mahkamah turut dipaparkan bagi mengenalpasti elemen-elemen yang wujud pada kesaksian wanita. Walaupun begitu, penulis masih kurang berpuas hati dengan jumlah kes yang dapat diperhatikan di mahkamah.

Begitu juga masih terdapat beberapa topik yang tidak disentuh secara mendalam dan terperinci dalam kajian ini; iaitu kesaksian wanita menurut jenis-jenis kesaksian seperti kesaksian bersandarkan dokumentasi, kesaksian atas kesaksian dan wanita sebagai penyiasat saksi disebabkan permasalahan-permasalahan tersebut merupakan perkara *ijtihādiyyah* yang tidak mempunyai dalil-dalil khusus mengenainya. Semoga perkara ini akan diteruskan oleh pengkaji-pengkaji akan datang. Ruang juga masih terbuka luas untuk mendalami aspek fitrah kejadian wanita.

Kaum wanita Islam pula harus mempunyai kesedaran untuk senantiasa mempertingkatkan syakhsiyah diri hingga dapat dikategorikan sebagai individu yang adil. Di samping itu mereka perlu tahu hak-hak mereka dari segala sudut, peka dengan perkara-perkara yang berlaku di sekitar mereka serta memberi perhatian serius terhadap apa yang berlaku agar hak-hak diri mereka dan masyarakat tidak hilang begitu sahaja.

Wanita muslimah haruslah menghormati dan menjaga hak-hak mereka sendiri jika mereka mahu dihormati oleh orang lain.

Penulis berharap agar kajian ini dapat memberi panduan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang Undang-undang Keterangan Islam khasnya, kaum wanita yang bertanggung jawab menunaikan kesaksian, para pegawai yang bertanggung jawab mengatur prosiding kehakiman dan masyarakat amnya.

Akhir kalam,

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ سِيِّئَاتِنَا أَوْ أَخْطَأَنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا عَلَيْنَا إِصْرًا
كَمَا حَمَّلْنَا عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ
وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ
الْكَافِرِينَ

Maksudnya:

Ya Tuhan kami, janganlah engkau seksa kami jika kami lupa atau salah. Wahai Tuhan kami, janganlah engkau pikulkan pekerjaan yang berat di atas pundak kami, sebagaimana Engkau pikulkan ke atas pundak orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kami (dengan) apa yang kami tidak mampu menanggungnya. Maafkanlah kami, ampunilah dosa kami dan kasihanilah kami. Engkaulah pemimpin kami, maka tolonglah kami melawan kaum yang kafir.

Surah al-Baqarah (2): 286

S E K I A N